

5143
MAHATHIR

1975
IPOH, 8 DIS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGGESA KESATUAN-KESATUAN GURU MEMAINKAN PERANAN LEBIH BERKESAN DALAM USAHA MENINGGIKAN LAGI STATUS DAN PENGARUH MEREKA DIKALANGAN MASYARAKAT.

MEREKA PERLU MENENTUKAN SEBANYAK MANA TENAGA PERLU DICURAHKAN UNTUK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN AHLI DAN SEBANYAK MANA PULA TENAGA DIKEHENDAKI UNTUK MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI SEBAHAGIAN DARI TANGGUNGJAWAB KESATUAN MEMBERI PIMPINAN KEPADA AHLI-AHLI UNTUK MENINGGIKAN KECEKAPAN MEREKA DI BIDANG PROFESYENNYA.

KESATUAN GURU-GURU MEMPUNYAI SUMBER TENAGA DAN KEWANGAN SENDIRI UNTUK MEMAINKAN PERANAN INI. 285

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI UPACARA PERESMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KEDUA MAJLIS KEBANGSAAN KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI.

KATANYA, KESATUAN JUGA BOLEH MEMPENGARUHI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN, PERUBAHAN KURIKULUM DAN REFORMASI PELAJARAN YANG LAIN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PENGLIBATAN KESATUAN SECARA BERKESAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN NEGARA YANG LEBIH MENYELURUH BANYAK BERGANTUNG KEPADA KEPIMPINAN YANG BERKUALITI.

DI SINILAH PERLUNYA, AHLI-AHLI MEMILIH KETUA Masing-masing dengan cara yang bijaksana. -- BERSAMBUNG 1225/AI

515:
MAHATHIR 2 IPOH

BELIAU BERKATA KEMENTERIANNYA MENYOKONG SEBARANG LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KESATUAN-KESATUAN GURU UNTUK BERGABUNG SUPAYA MENJADI SEBUAH KESATUAN YANG LEBIH BESAR, KUAT DAN BERPENGARUH. PADA MASA INI TERDAPAT 14 BUAH KESATUAN GURU DI NEGARA INI.

DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUTKAN BAHAWA PERUNTUKAN KEWANGAN UNTUK KEMENTERIANNYA MASIH MERUPAKAN YANG TERBESAR DALAM BELANJAWAN NEGARA TIAP-TIAP TAHUN.

TAHUN DEPAN, IA MENDAPAT PERUNTUKAN SEBANYAK \$1,462.9 JUTA. MENGENAI DISIPLIN DI SEKOLAH, DR. MAHATHIR BERKATA KETERTIPAN DALAM MENJAGA KEBERSIHAN DIRI ADALAH CARA UNTUK MENGELAK PENYAKIT KURANG DISIPLIN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TINDAKAN MEROTAN MURID DIBUAT DENGAN ALASAN BAHAWA PERBUATAN INI AKAN MENGUKUHKAN LAGI DISIPLIN.

JIKA DISIPLIN DAPAT DICAPAI TANPA MEROTAN, GURU-GURU TIDAKLAH MUSTAHAK MEROTAN MURID-MURID, KATANYA.

BELIAU BERKATA LANGKAH PERTAMA UNTUK MEMULINKAN SEMULA DISIPLIN IALAH DENGAN MENENTUKAN SUPAYA MURID-MURID TIDAK BERAMBUK PANJANG DAN TIDAK BERPAKAIAN TIDAK SENONOH. -- BERSAMBUNG 1229/AI

537:

MAHATHIR 3 IPOH

PRESIDEN KEBANGSAAN KESATUAN, HAJI AHMAD BIN ABDUL RAHMAN BERKATA PERANAN GURU DI NEGARA INI ADALAH PENTING.

KATANYA, TUGAS KESATUAN DITUBUHKAN BUKAN SEMATA-MATA HENDAK MEMPERJUANGKAN GAJI LEBIH TETAPI JUGA MEMBAIKI IMEJ PERGURUAN DAN PEMBANGUNAN KEGIATAN KURIKULUM SEKOLAH.

KATANYA PROFESYEN PERGURUAN MEMERLUKAN PENGAKUAN SEPENUHNYA DAN KESATUAN MEMERLUKAN KERJASAMA DARI KESATUAN LAIN SEPERTI MTUC DAN CUEPACE UNTUK MENCAPAI TUJUAN DAN CITA-CITANYA.

BELIAU KEMUDIAN MENYAMPAIKAN SEKEPING CEK BERNILAI \$5,000 KEPADA MENTERI UNTUK DERMA PEMULIHAN TUGU PERINGATAN NEGARA.

WANG TERSEBUT ADALAH SUMBANGAN DARI AHLI-AHLI KESATUAN.

PRESIDEN MTUC, ENCIK P.P. NARAYANAN BERKATA RANCANGAN HENDAK MENDIRIKAN INSTITUT TEKHOLOGI PEKERJA BERTERANGA \$6 JUTA ANJURAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENGANGKUTAN SUDAH MULA BERJALAN DI SELANGOR.

BELIAU BERKATA, APABILA SIAP KELAK, INSTITUT ITU AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA ANAK-ANAK PEKERJA MENDAPATKAN KEMAHIRAN KHUSUS. --
BERNAMA HM 1423